

24 APR 2001

MIC-Ekuiti

MIC MINTA K'JAAN BENTUK J/KHAS DALAM PNB UNTUK BANTU KAUM INDIA

KUALA LUMPUR, 24 April (Bernama) -- MIC akan mencadangkan kepada kerajaan menubuhkan satu agensi pelaburan khas dalam Permodalan Nasional Berhad (PNB) untuk membantu kaum India mencapai pemilikan ekuiti yang diperuntukkan untuk kaum itu.

Presiden MIC Datuk Seri S. Samy Vellu hari ini berkata PNB, pengurus dana terbesar, mempunyai pengalaman dalam mengurus pelaburan dan saham yang menghasilkan keuntungan untuk para pelaburnya.

Katanya beliau akan meminta kerajaan membentuk agensi dalam PNB untuk menjaga kepentingan kaum India bagi membolehkan mereka mencapai pemilikan ekuiti tiga peratus dalam masa 10 tahun akan datang.

Mengikut Rangka Rancangan Jangka Panjang ketiga (OPP3), pemilikan ekuiti untuk kaum India sudah dinaikkan daripada 1.5 peratus kepada tiga peratus.

Ketika bercakap kepada pemberita selepas mengumumkan Pameran dan Persidangan Antarabangsa Internet Tamil 2001, Samy Vellu berkata parti itu juga akan menubuhkan pusat bagi menyediakan maklumat mengenai saham yang boleh dibeli untuk kaum berkenaan.

"Kami akan memberitahu kaum India mengenai saham-saham yang boleh mereka beli dan ia akan menjadi pembuka mata untuk orang ramai mengetahui peluang-peluang terbuka," kata Samy yang juga Menteri Kerja Raya.

Mengenai Rancangan Malaysia Kelapan yang menggalakkan bukan Bumiputera supaya menyertai perkhidmatan awam, Samy Vellu berkata rancangan itu positif untuk kaum itu dan membolehkan lebih ramai kaum India menyertai perkhidmatan kerajaan.

"Saya menerima banyak aduan daripada pencari kerja kaum India yang gagal menjadi anggota perkhidmatan awam... kini pertimbangan sewajarnya patut diberikan berdasarkan peratusan bagi kaum-kaum lain," katanya.

Katanya MIC juga akan meminta kerajaan menubuhkan Jawatankuasa Kabinet bagi memantau dan menilai program pembangunan terutama untuk kaum India.

Mengenai Pameran dan Persidangan Antarabangsa Internet Tamil 2001 yang akan berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) dari 26 hingga 28 Ogos, Samy Vellu berkata tumpuan akan diberikan kepada mutu, isu-isu dan pembangunan perkhidmatan Internet berasaskan Tamil.

Bertemakan "Laluan ke arah Kemajuan", beliau berkata antara tajuk yang akan dibincangkan pada persidangan itu ialah kandungan multimedia, keusahawanan dalam ekonomi baru, aplikasi tanpa wayar dan mutu teknologi bagi Internet Tamil.

Samy Vellu yang juga pengerusi jawatankuasa penganjur berkata lebih daripada 50 pakar antarabangsa dijangka membentangkan kertas kerja dan penemuan masing-masing sepanjang persidangan tiga hari itu.

Pameran dan persidangan yang dianjurkan bersama oleh MIC dan Forum Antarabangsa bagi Teknologi Maklumat dalam Tamil itu akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sempena persidangan itu, satu pameran mengenai Teknologi Internet, produk dan perkhidmatan dari Malaysia, Singapura, India dan negara lain akan diadakan di PWTC, Pulau Pinang dan Johor Baharu.

Samy Vellu berkata MIC akan melancarkan kempen kebangsaan - Net-For-Life - tidak lama lagi yang bermatlamat menjadikan masyarakat kaum India di Malaysia mahir dalam selok belot komputer menjelang 2005.

-- BERNAMA

DC AFY LAT

